

JEJAK JAYA

HPPNK 2015



Blok 4G1 Wisma Tani, No.28 Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya Malaysia
Tel: 03-8870 1200/1400 Fax: 03-88886906 Email: pro@moa.gov.my

Najib: Sektor Agro Makanan Perlu Dibangun Lebih Dinamik, Moden Dan Inovatif



Kebangsaan 2015 (HPPNK) di Dewan Suarah Kota Samarahan di sini pada 28 Nov. Najib seterusnya berkata beliau bersetuju dengan pengiktirafan sebagai wira yang diberi oleh Ahmad Shabery kepada kumpulan peladang, penternak dan nelayan. "Mengikut perkiraan FAO (Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu), menjelang tahun 2020 jumlah penduduk dunia adalah sekitar 9.7 bilion, berbanding 7.2 bilion ketika ini, dan jika pengeluaran makanan tidak ditingkatkan kepada 60 peratus daripada keadaan sekarang, dunia akan mengalami masalah kebuluran yang agak serius nanti," katanya.

"Ini bererti soal jaminan makanan ini merupakan satu daripada cabaran

KOTA SAMARAHAN, 28 Nov (Bernama) -- Sektor pengeluaran agro makanan negara perlu dibangunkan dengan lebih dinamik, moden, serta berinovasi, dan tidak boleh terperangkap dalam kerangka minda lama yang menganggap bidang pertanian sebagai satu aktiviti untuk sara diri semata-mata.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengambil contoh kejayaan negara seperti Belanda, Jepun, New Zealand dan Australia dalam menjuarai eksport hasil pertanian dunia, apabila pengusahanya berjaya mengadaptasi teknologi di samping mengamalkan kaedah pertanian berinovasi untuk memperoleh produktiviti yang lebih tinggi.

Beliau berkata kerajaan sentiasa berusaha menggalakkan para peladang, penternak, dan nelayan memanfaatkan teknologi untuk menghasilkan produktiviti yang tinggi, di samping memastikan seluruh rakyat turut mendapat manfaat daripada kemajuan sektor pertanian negara.

Katanya di bawah Bajet 2016, kerajaan menyediakan peruntukan RM5.3 bilion



khusus untuk sektor pertanian, di samping menggerakkan inisiatif untuk menurunkan harga barangan dengan rancangan untuk menambah 50 lagi pasar tani di seluruh negara serta 150 Agro Bazar Rakyat 1Malaysia tahun depan.

"Suka saya umumkan empat pasar tani baharu akan dibuka di Sarawak, di samping 10 Agro Bazar Rakyat 1Malaysia tahun depan," katanya semasa berucap merasmikan Hari Peladang, Penternak, Nelayan peringkat

besar yang perlu ditangani dunia, selain ancaman keganasan fahaman ekstrem dan perubahan iklim. Saya anggap jaminan makanan adalah satu aspek yang perlu diberi perhatian yang serius oleh dunia," tambahnya. "Ketika ini juga, kita (negara) mengalami defisit kira-kira RM17 bilion setahun, maknanya dari segi agro makanan, RM17 bilion defisit, kita import (hasil agro makanan) lebih dari kita eksport sebanyak lebih RM17 bilion," katanya.

-- BERNAMA



HPPNK 2015 Dapat Sambutan Luar Jangkaan

KOTA SAMARAHAN -- Program sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan 2015 (HPPNK 2015) yang diadakan bermula 27 Nov sehingga 3 Dis baru-baru ini di perkarangan Dewan Suarah, Kota Samarahan mendapat sambutan luar jangkaan, kata Timbalan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Alfred Jabu Numpang.

Beliau berkata kira-kira 98,000 orang mengunjungi tapak sambutan setakat hari kedua selepas ia dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. Hasil jualan yang dicatatkan pada hari kedua mencecah RM468,455, katanya.

“Pengunjung bukan sahaja datang untuk melihat pelbagai aktiviti dan pameran yang diadakan tetapi ramai juga yang datang untuk membeli pelbagai produk yang dijual sepanjang sambutan berkenaan,” katanya.

HPPNK 2015 merupakan anjuran bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak dengan tema “Agro Teknologi - Pemangkin Transformasi”, sejajar dengan hasrat kerajaan menjadikan pertanian sebagai

pemangkin kemajuan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Lebih 380 ruang pameran dan jualan disediakan pada HPPNK kali ini yang melibatkan 80 agensi dan 300 usahawan seluruh Malaysia mengikut segmen seperti pameran kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta syarikat swasta tempatan.

Turut diadakan ialah pameran dan jualan produk perusahaan kecil dan sederhana, pameran pertanian dan perikanan, pameran dan aktiviti ternakan, pameran jentera dan mekanisasi, makanan popular Malaysia, persembahan kebudayaan dan kesenian.

-- BERNAMA

Pengunjung bukan sahaja datang untuk melihat pelbagai aktiviti dan pameran yang diadakan tetapi ramai juga yang datang untuk membeli pelbagai produk yang dijual sepanjang sambutan berkenaan.



Lebih Banyak Infrastruktur Diperlukan Untuk Pertanian Sarawak - Adenan

KOTA SAMARAHAN -- Meskipun sektor pertanian merupakan penyumbang keempat kepada ekonomi Sarawak tahun lepas iaitu sebanyak 14 peratus dengan nilai RM14.86 bilion, namun masih banyak infrastruktur diperlukan bagi menambah baik sektor tersebut.

Ketua Menteri Tan Sri Adenan Satem ketika ditemui semasa majlis sambutan Hari Peladang Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2015 di perkarangan Dewan Suarah di sini, berharap kerajaan persekutuan akan membantu memperbaiki infrastruktur

Selain itu pelbagai inisiatif kerajaan dilaksana bagi memantapkan pembangunan di luar bandar. Kemudahan infrastruktur pertanian seperti jalan ladang atau jalan pertanian perlu disediakan bagi memudahkan aktiviti pertanian dijalankan.

dilaksana bagi memantapkan pembangunan di luar bandar. Kemudahan infrastruktur pertanian seperti jalan ladang atau jalan pertanian perlu disediakan bagi memudahkan aktiviti pertanian dijalankan.

“Bagaimanapun infrastruktur asas masih lagi jauh berbanding Semenanjung. Oleh itu kita masih memerlukan sokongan kerajaan persekutuan supaya infrastruktur pertanian di negeri Sarawak setaraf dengan di Semenanjung,” kata Adenan.

Mengulas mengenai HPPNK 2015 yang disambut di Sarawak kali ini, beliau berharap pihak yang terlibat menggunakan sebaik mungkin manfaat penganjuran program tersebut.

“Tema sambutan iaitu ‘Agroteknologi Pemangkin Transformasi’ hendaklah menjadi nyata di lapangan. Oleh itu penyelidikan pertanian oleh agensi seperti MARDI bagi menghasilkan agro teknologi bagi pertanian negeri Sarawak perlu dilaksanakan.

“Selain itu agensi pertanian Persekutuan atau negeri juga perlu memperkasa aktiviti perkembangan pertanian. Mana mungkin petani dapat menjalankan aktiviti pertanian dengan baik jika teknologi tidak dipindahkan kepada mereka,” katanya.

-- BERNAMA



asas seperti jalan raya di negeri ini dan seterusnya membantu sektor pertanian negeri.

HPPNK 2015 telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Adenan berkata kerajaan negeri ketika ini memberi tumpuan kepada pembangunan pertanian di luar bandar termasuk kawasan yang jauh di pedalaman bagi memastikan tiada petani yang tertinggal daripada arus pembangunan.

“Selain itu pelbagai inisiatif kerajaan



KOTA SAMARAHAN -- Pengarah urusan Al-Faiz Industries Sdn Bhd, Azhar Md Yusoff telah dipilih sebagai pemenang Anugerah Perdana Menteri Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan (HPPNK) 2015.

Di samping itu, syarikat milik beliau Al-Faiz Industries Sdn Bhd turut dipilih sebagai pemenang Anugerah Pemasar Tani Jaya Peringkat Kebangsaan Tahun 2015.

Sebagai pemenang Anugerah Perdana Menteri, beliau pulang dengan hadiah wang tunai RM60,000 dan trofi, di samping wang tunai RM30,000 sebagai



Pemenang Anugerah Perdana Menteri Bangkit Daripada Kebangkrapan

pemenang Anugerah Pemasar Tani Jaya.

Sebelum ini Azhar yang berasal dari Jitra, Kedah turut pernah menerima Anugerah Pemasar Tani Jaya Peringkat Negeri Kedah Tahun 2015.

Ditemui selepas perasmian HPPNK 2015 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak di sini, beliau amat gembira kerana usahanya selama ini mendapat pengiktirafan.

Katanya, beliau amat bersyukur kerana akhirnya hajat beliau untuk berjaya dalam industri pertanian tercapai.

"Walaupun saya dibankrapkan selama 13 tahun tetapi ia tidak mematahkan semangat saya untuk terus berusaha dan bergelar jutawan dan saya juga sudah berjaya melahirkan seramai 15 orang usahawan Melayu bergelar jutawan," katanya sambil menitikkan air mata.

Dalam tempoh kebangkrapan selama 13 tahun itu tiada agensi kerajaan mahupun bank yang mahu membantu saya, tetapi hasil daripada doa kedua orang tua saya serta sokongan dan bantuan rakan-rakan saya terus berusaha

Walaupun saya dibankrapkan selama 13 tahun tetapi ia tidak mematahkan semangat saya untuk terus berusaha dan bergelar jutawan dan saya juga sudah berjaya melahirkan seramai 15 orang usahawan Melayu bergelar jutawan

meneruskan perniagaan saya, tambah beliau. Katanya, dengan bantuan pembekal mesin yang memberi kredit kepada beliau, akhirnya beliau berjaya mengembangkan perusahaannya dan mencapai tahap jutawan pada 2011. Menurut Azhar, beliau dibankrapkan pihak bank pada tahun 1998 dan dilepaskan pada tahun 2011.

Ditanya bagaimana beliau mampu bangkit dalam tempoh yang begitu singkat, Azhar berkata dalam perniagaan hari ini kita perlu ada inovasi untuk berjaya.

Mengenai perancangan masa depannya, Azhar berkata beliau akan meningkatkan latihan kepada pekerja-pekerja syarikatnya bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan berkepakaran dalam bidang pengeluaran produk makanan.

Selain itu, katanya syarikat beliau juga akan mempertingkatkan pengiklanan melalui akhbar, majalah, internet, radio,

telefon dan lain-lain medium agar produk yang dikeluarkan mendapat sambutan, seterusnya meningkatkan jualan.

"Saya juga akan membawa dan menonjolkan produk roselle agar berupaya menembusi pasaran antarabangsa serta mencapai tahap ISO (International Organisation For Standardisation)," katanya. Syarikat Al-Faiz Industries Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pengeluar pelbagai jenis produk roselle seperti jus pekat roselle, minuman jus roselle, Halwa Roselle dan ubat gigi Roselle White.

Selain itu, kata Azhar syarikatnya turut mengeluarkan produk Pengeluar Peralatan Asal (OEM) untuk usahawan yang ingin mengeluarkan produk mereka sendiri. "Setakat ini kami mempunyai enam outlet perkhidmatan pemasaran di utara Malaysia untuk memudahkan pemasaran produk keluaran Syarikat Al-Faiz Industries Sdn Bhd," tambahnya.

-- BERNAMA

Saipol Bukti Usaha Berterusan Penentu Kejayaan

Oleh Murni Nasri

KUALA LUMPUR -- Penerima Anugerah Peladang Jaya Lelaki 2015 bersempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) yang diadakan baru-baru ini di Kota Samarahan, Sarawak, Saipol Azimir Zainuddin, 32, berjaya membuktikan yang biarpun pendidikan yang diterima tidak sehingga ke menara gading, beliau masih mampu untuk menjana pendapatan lumayan dengan melibatkan diri dalam bidang pertanian.

Menurut Saipol, beliau hanya berjaya menamatkan pendidikan setakat darjah

Peladang Jaya Lelaki untuk negeri Selangor pada tahun 2014.

PENDAPATAN LUAR BIASA

Antara aktiviti ekonomi yang Saipol usahakan adalah ternakan lembu daging fidlot dan integrasi, ternakan kambing dan bebiri, rusa serta kerbau.

Manakala untuk aktiviti penanaman beliau mengusahakan tanaman ubi kayu, pisang tanduk, napier dan kunyit serta kelapa sawit. Selain itu bapa kepada lima orang anak ini juga ada menjalankan aktiviti pemasaran kelapa sawit, kontrak kerja



sendiri dan ia terbukti sangat bagus untuk haiwan-haiwan ternakannya. Selain itu, Saipol juga telah mencipta satu sistem penandaan untuk lembu-lembu korban yang beliau pelihara. Saipol berkata penglibatan di dalam bidang pertanian ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana seperti bidang-bidang lain, ia juga mempunyai cabaran yang tersendiri.

Antara cabaran yang beliau hadapi adalah kekangan kawasan dan modal yang terhad. Namun setiap cabaran ada penyelesaiannya dan Saipol menjelaskan untuk mengatasi kekangan kawasan bagi menjalankan aktiviti pertanian dan penternakannya beliau memajak kawasan daripada orang lain manakala bagi mengatasi masalah modal yang terhad beliau berjaya mendapatkan bantuan daripada Tabung Usahawan PPK.

Apabila ditanya tentang perancangan masa hadapan, Saipol menyatakan hasrat untuk mendirikan pusat latihan ternakan dan juga menceburi bidang ternakan kambing susu dan pemprosesan susu kambing.

-- BERNAMA

Saipol berkata penglibatan di dalam bidang pertanian ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana seperti bidang-bidang lain, ia juga mempunyai cabaran yang tersendiri.



enam sahaja dan disebabkan beliau menetap di kampung, hanya pertanian sahaja pekerjaan yang boleh dilakukan. Beliau yang menetap di Kampung Tali Air, Banting, Selangor ini bermula dengan melakukan kerja-kerja kampung dengan pendapatan yang tidak seberapa.

Pada tahun 2003, Saipol mula menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat dan telah dilantik sebagai Pengerusi Kor Tani PPK.

Usaha-usaha yang beliau jalankan di dalam pertanian dan penternakan ini mendapat perhatian apabila beliau dinobatkan sebagai pemenang anugerah

ladang dan pembinaan serta sewaan pengangkutan. Siapa sangka dengan menjalankan usaha-usaha tersebut Saipol mampu menjana pendapatan setahun sebanyak kira-kira RM3.8 juta setahun!

Saipol juga berjaya mengolah makanan ternakan daripada campuran rumput napier, pelepah sawit dan sisa minyak sawit bagi mengurangkan kos makanan ternakan dan telah menggunakan inovasi makanan ini untuk haiwan ternakannya sejak lima tahun yang lalu.

CABARAN

Saipol menjelaskan idea untuk mencipta inovasi makanan ternakan ini timbul

Tidak Takut Cabaran, Tengku Faridah Jadikan Pertanian Sumber Pendapatan

Oleh Murni Nasri



KUALALUMPUR -- Bermula atas dorongan suami, penerima anugerah Peladang Jaya Wanita 2015, Tengku Faridah Tengku Hussain, 33, terus mengorak langkah penuh yakin menjadikan bidang pertanian ini sebagai sumber pendapatan keluarganya. Faridah merupakan salah seorang penerima anugerah bersempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2015 (HPPNK 2015) yang diadakan di Kota Samarahan, Sarawak baru-baru ini.

Ibu kepada empat orang ini mempunyai kelulusan Diploma Pertanian daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan kini menetap di Tanah Rata, Cameron Highlands. Antara aktiviti ekonomi yang Faridah usahakan adalah tanaman strawberi, sayuran kaukei, pemprosesan strawberi untuk dibuat jem, kordial, aiskrim dan halwa serta tanaman buah tomato. Selain itu beliau turut mengusahakan tanaman kobis bulat, agro-pelancongan Royal Berry, homestay dan juga kontrak perladangan.

SEJARAH PERMULAAN

Menurut Faridah, beliau mula menceburi bidang pertanian kerana menyambung usaha suami beliau, Kamarul Azli Muhammad yang perlu memfokus kepada bidang pekerjaan yang lain.

Asalnya Faridah menguruskan kebun sayur seluas 35 hektar berbekalkan ilmu pertanian yang beliau pelajari di UPM. Kemudian beliau mula mengusahakan bidang pembinaan kontraktor berlesen F sebelum menumpukan perhatian kepada

penanaman dan pemprosesan strawberi. Walaupun ilmu pertanian yang dipelajari tidak mencukupi untuk beliau menerajui bidang ini, Faridah berkata beliau sangat bertuah kerana sentiasa mendapat dorongan suami dan rakan-rakan yang sentiasa menyokong. Selain itu Faridah juga ada mengikuti latihan pemprosesan dan pelbagai kursus yang melibatkan industri makanan untuk menjadikan perusahaan beliau lebih sempurna, katanya, selain memastikan membuat sendiri kajian di atas semua projek yang diusahakan. Kini Faridah boleh berbangga dengan pendapatan yang diperolehi iaitu sebanyak RM3.4 juta setahun, satu jumlah yang tidak pernah termimpikan.

CABARAN DIHARUNGI

Menurut Faridah, setiap perusahaan yang diceburi, ada cabaran-cabarannya yang tertentu. Dalam mengusahakan kebun sayur, beliau berhadapan dengan keadaan cuaca yang tidak menentu dan harga pasaran yang menyukarkan para pekebun sayur mendapatkan keuntungan. Namun cabaran ini cuba diatasi sedaya upaya dengan pelbagai cara antaranya memasang rumah lindung hujan agar kebun sayurnya sentiasa mengeluarkan hasil.

Dalam perusahaan strawberi pula, peladang wanita ini sering menghadapi masalah kekurangan strawberi segar memandangkan permintaan terhadapnya sangat tinggi di Cameron Highlands. Pada masa bekalan strawberi banyak, Faridah akan memproses buah ini menjadi aiskrim dengan menggunakan 100 peratus buah

strawberi segar yang kekal segar rasanya apabila dimakan. Justeru, semasa musim buah strawberi segar kurang diperolehi, para pengunjung yang datang ke kedai beliau boleh menikmati aiskrim strawberi segar ini. Faridah juga berjaya mencipta inovasi baharu penanaman strawberi menggunakan medium buluh bukan polibeg seperti kelazimannya bagi menghasilkan lebih banyak pengeluaran buah serta menjimatkan kos penanaman.

KATA-KATA SEMANGAT

Faridah turut memberikan kata-kata semangat untuk para wanita yang sedang atau berkira-kira mahu melibatkan diri dalam bidang pertanian ini. Menurut beliau, seorang usahawan tidak perlu gentar dengan segala dugaan yang dihadapi. Apa yang penting, seseorang itu perlu sentiasa menuntut ilmu bagi merancang perniagaan yang diusahakan. Usahawan tidak perlu takut untuk bermula dari bawah kerana nikmat setiap tangga yang dijejaki akan dirasai apabila seseorang itu sudah tiba di puncak kejayaan, katanya. "Jadikan setiap masalah sebagai kelas tuisyen untuk kita menambah ilmu perniagaan," kata usahawan cekal ini.

Faridah turut berkongsi kunci utama dalam kehidupan beliau sebagai usahawan, iaitu, sentiasa ikhlaskan hati dan kejujuran di dalam perniagaan. Menurut beliau kejujuran ini adalah faktor utama sesuatu perniagaan itu bertahan lama. Apabila memperolehi keuntungan yang berlipat ganda, ringankan tangan untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan, kata beliau. Selain itu, beliau menasihati, jika menghadapi masalah di dalam perniagaan, jangan berhenti mencari jalan keluarnya.

-- BERNAMA

"Jadikan setiap masalah sebagai kelas tuisyen untuk kita menambah ilmu perniagaan," kata usahawan cekal ini.



Graduan Universiti Jana RM10,000 Sebulan Dalam Bidang Perikanan

KUALA LUMPUR -- Mohd Shukri Mohd Zahit, 32, bukan calang-calang orang. Jika ramai dalam kalangan para graduan universiti berlumba-lumba mencari pekerjaan setelah bergraduasi, Shukri bertindak sebaliknya.

Beliau yang mempunyai kelulusan Sarjana Muda Sains Perikanan dari Universiti Malaysia Terengganu yang diperolehi pada tahun 2006 mengambil keputusan untuk melibatkan diri di dalam bidang perikanan sehinggalah beliau dinobatkan sebagai penerima Anugerah Agropreneur Muda Jaya 2015 bersempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2015 yang diadakan di Kota Samarahan baru-baru ini.

Shukri mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran di dalam bidang perikanan kerana sejak kecil lagi sektor ini sudah sehati di dalam jiwanya memandangkan bapa beliau bukan sahaja seorang nelayan tetapi juga seorang pengusaha perikanan yang memiliki vesel sendiri, di tanah kelahirannya di Tok Bali, Kelantan.

Setelah berjaya memegang ijazah Sains Perikanan, Shukri terus melibatkan diri di dalam bidang perikanan sebagai menyambung legasi bapanya, Mohd Zahit. Beliau telah mengambil keputusan memindahkan vesel pukat jerut milik bapanya, PAF 4458 (Zon C) ke Kuantan pada tahun 2006.

Namun setelah setahun, PAF 4458 kembali semula ke pangkalan asalnya kerana hasil pendapatan yang diperolehi di Kuantan menyamai pendapatan yang diperolehi semasa di Tok Bali.

AKTIVITI UTAMA

Pada tahun 2008, Shukri sekali lagi membawa PAF 4458 berhijrah ke Kuantan. Selain daripada vesel tersebut, beliau turut memasarkan ikan daripada dua buah vesel pukat tunda (Zon B) yang dimiliki oleh adik dan sepupu beliau dan daripada sebuah vesel pukat jerut (Zon C) milik kepada anak sahabat baik beliau. Kesemua hasil pendaratan ikan daripada



keempat-empat vesel ini didaratkan di Kompleks LKIM, Kuantan.

Selain Kuantan, beliau turut melakukan penghantaran ikan-ikan segar ke Pasar Besar Selayang, Kuala Lumpur, Pulau Kambing dan Wakaf Mempelam (Kuala Terengganu), RTC dan Pangkalan Kubur (Kota Bharu) dan Pandan Jaya (Johor) manakala ikan-ikan yang berbaki akan dibekukan.

Sementara itu, ikan-ikan yang kurang bernilai di pasaran, beliau akan gunakan di dalam proses pengeluaran keropok lekor di pusat pemprosesan yang dimiliki sendiri. Di bawah nama Skun Maju Enterprise miliknya, Shukri juga memiliki dua buah vesel laut dalam berpangkalan di Tok Bali, KNF 7743 (pukat tunda) dan KNF 7781 (pukat jerut). Perusahaan perikanan usahawan muda ini mempunyai modal pusingan sebanyak RM200,000 dengan purata pendapatan bulanan sebanyak RM10,000.

PERANCANGAN MASA HADAPAN

Berdasarkan ilmu, kepakaran dan pengalaman yang diperolehi, Shukri

memastikan yang kesemua veselnya dilengkapi dengan pelbagai peralatan bagi meningkatkan hasil dapatan perikanan yang diusahakan seperti Echo Sounder, GPS, sonar, radio dan power block, antaranya. Bagi memperkembangkan lagi perusahaan perikanan yang diusahakan, Shukri berhasrat untuk menambah bilangan vesel yang dimilikinya.

Selain itu beliau merancang untuk mengembangkan rantai penawaran daripada ikan segar kepada ikan beku bagi diedarkan terus kepada para pengguna. Usahawan muda ini juga mahu melebarkan sayap perniagaan dengan memelihara kambing untuk pasaran daging segar selain cuba mendapatkan rumah kedai sebagai aset tambahan.



Setelah berjaya memegang ijazah Sains Perikanan, Shukri terus melibatkan diri di dalam bidang perikanan sebagai menyambung legasi bapanya, Mohd Zahit